

**Malaysia Boleh Perjuangkan Pergerakan Kesederhanaan Di Pentas Global -  
Cendekiawan Islam  
Bernama  
6 April, 2012**

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Malaysia sebagai sebuah negara Islam sederhana boleh memainkan peranan lebih besar dan memperjuangkan pergerakan kesederhanaan di pentas global, menurut seorang cendekiawan Islam terkemuka dunia Jumaat.

Imam Feisal Abdul Rauf berkata Pergerakan Kesederhanaan Global (GMM), yang diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, boleh memainkan peranan lebih besar sebagai badan pengantara untuk membantu menyelesaikan masalah dan salah faham yang dihadapi antara dunia Barat dan Islam.

"Pada masa sama, organisasi tradisional perlu menggunakan pendekatan baru untuk mengendalikan cabaran-cabaran semasa dengan lebih efektif," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan syarahan awam bertajuk "Inisiatif Cordoba; Misinya Dalam Menjernihkan Hubungan AS-Dunia Islam" di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR) di sini.

Semasa diminta mengulas sekatan ke atas Iran berhubung program penguraian nuklear republik itu yang diterajui Barat, Imam Feisal, yang juga pengerusi Inisiatif Cordoba berkata keputusan itu tidak akan membuatkan Tehran tunduk kepada desakan mereka.

Memberikan contoh apa yang berlaku di Iraq semasa era pemerintahan Saddam Hussien, beliau berkata sekatan yang dilaksanakan tidak mendatangkan sebarang kesan kepada diktator itu dan regimnya.

Beliau menegaskan sebaliknya sekatan itu akan hanya memiskinkan dan menyusahkan rakyat.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657555>